



AHMAD FUAD...cari penyelesaian terbaik

Perjumpaan bincang selesai isu pembinaan MRT

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan satu perjumpaan antara pemaju stesen Transit Aliran Massa (MRT), penduduk dan peniaga Pasar Taman Tun Dr Ismail (TTDI) minggu depan berhubung isu pembinaan kemudahan pengangkutan awam itu.

Datuk Bandar, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, perjumpaan itu dilakukan

bagi mencari jalan penyelesaian terbaik, termasuk masalah perobohan Pasar TTDI.

“Tiga minggu lalu saya membuat lawatan dan perjumpaan dengan penduduk di kawasan berkenaan.

“Melalui perjumpaan itu nanti, keputusan akan ditentukan hasil perbincangan bersama sama ada meneruskan pembinaan MRT di situ atau memindahkannya ke

tempat lain,” katanya, semalam.

Katanya lagi, peniaga sudah dimaklumkan akan diberikan tapak ganti sementara dan akan berpindah semula ke tempat berkenaan selepas projek MRT siap.

“Selama 35 tahun beroperasi di situ, mereka hanya dikenakan bayaran bulanan RM10. Peniaga dan penjaja di pasar berkenaan perlu bertimbang rasa kerana pro-

jek ini adalah untuk kepentingan ramai.

“Mereka yang berkelayakan akan berpeluang berniaga semula di situ kerana ruang berniaga di bawah MRT turut disediakan,” katanya.

Sementara itu, bermula semalam, DBKL akan mengadakan upacara menaikkan Jalur Gemilang di Dataran Merdeka setiap pagi Isnin bermula jam 9 pagi.